

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan

Sidang 1987/88

CSD202/CSP203 Organisasi Pangkalan Data

Tarikh: 20 Jun 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 5 muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan. Semua soalan membawa markah yang sama. Jangan campuradukkan jawapan dalam Bahagian A dengan Bahagian B.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

BAHAGIAN A

1. (a) Jawab semua bahagian di bawah dengan persis dan tepat:

(i) Apakah keburukan-keburukan sistem pemprosesan fail cara tradisi (tidak menggunakan pangkalan data) dan bagaimanakah keburukan-keburukan yang anda sebutkan itu dapat diatasi oleh sistem pangkalan data?

(25/100)

(ii) Apakah yang dimaksudkan dengan ketakbersandaran data dan mengapakah ia menjadi satu objektif bagi sistem pangkalan data?

(20/100)

(iii) Apakah kamus data dan apakah fungsinya di dalam suatu sistem pangkalan data dari sudut pandangan sistem pengurusan pangkalan data (DBMS), pentadbir pangkalan data (DBA) dan pengguna umum (end user)?

(25/100)

.../2